

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1/2001

PENGENAAN CUKAI TANAH TERKEHADAPAN DAN PAJAKAN TANAH MELOMBONG

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan mengenai pengenaan cukai tanah terkehadapan bagi Pajakan Tanah Lombong.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang bagi kali ke 3/2000 yang diadakan pada 16hb. Februari 2000, setelah menimbang dan meneliti Kertas Bil. MMK:3/153/2000 memutuskan pengenaan cukai tanah terkehadapan bagi tanah pajakan melombong dengan kaedah berikut:
 - 2.(1) Bagi tanah-tanah yang diluluskan Pajakan Melombong untuk tempoh 5 tahun ke bawah cukai tanahnya hendaklah dipungut sepenuhnya dan dijadikan cukai tanah terkehadapan.
 - 2.(2) Bagi tanah-tanah yang diluluskan melebihi 5 tahun, cukai tanahnya hendaklah dipungut dengan kadar minima 5 tahun kehadapan dan bakinya hendaklah dijelaskan pada tahun keenamnya.

3. Semua Pentadbir Tanah Jajahan diminta mengambil perhatian mengenai pekeliling ini yang berkuatkuasa serta merta.

t.t

(Dato' Haji Md Yusuf Bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. Y.A.B Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. Y.B Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. Y.B.Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. Y.A.Brs Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha. (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.
FAIL: PTG.KN.4485 JLD 2(8)
BERTARIKH : 09 SYAWAL 1421H
04 JANUARI 2000**